

## **Dr. Mahathir beri amanat penting esok**

**Utusan Online**

**05 April, 2013**

SHAH ALAM 4 April - Kira-kira 20,000 orang dijangka membanjiri padang Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Seksyen 2 di sini bagi mendengar amanat bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam Perhimpunan Selamatkan Selangor, Sabtu ini.

Perhimpunan anjuran Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) dan Perkasa Selangor itu bakal menjadi simbol kebangkitan rakyat Selangor dalam memastikan sokongan terhadap Barisan Nasional (BN) terus dipertingkatkan.

Yang Dipertua Perkasa Selangor, Abu Bakar Yahya berkata, Dr. Mahathir dijangka memberikan ucapan yang mempunyai elemen kejutan bagi menyedarkan rakyat negeri ini agar mereka dapat mengukuhkan keyakinan untuk memastikan BN berjaya memenangi Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) nanti.

"Ini adalah program pertama Perkasa selepas Dewan Rakyat dibubarkan dan merupakan siri akhir jelajah perhimpunan Perkasa di seluruh negara sebelum ini.

"Kita akan membuktikan perhimpunan ini memberikan mesej jelas bahawa rakyat Selangor menunjukkan sokongan padu kepada BN dalam pilihan raya umum nanti," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau berkata, pihaknya berharap rakyat pelbagai kaum di negeri ini tidak melepaskan peluang untuk mendengar amanat Dr. Mahathir yang selalunya mempunyai mesej penting bagi disampaikan hasil pengalaman luas beliau menerajui pentadbiran negara sebelum ini.

Tambahnya, bagi mendapatkan keberkatan daripada Allah, Perkasa juga akan mengadakan majlis bacaan surah Yasin malam esok di pejabatnya di Seksyen 9 di sini yang turut akan dihadiri oleh Presiden Perkasa, Datuk Ibrahim Ali dan para pemimpin pertubuhan tersebut.

Dalam pada itu beliau berharap, pemimpin BN yang tidak disenaraikan sebagai calon tidak berasa kecewa sebaliknya mesti bersama-sama membantu parti untuk mencapai kemenangan dalam pilihan raya umum nanti.

"Mereka seharusnya bersyukur dengan keputusan yang dibuat oleh pucuk pimpinan parti selain perlu menganggap perkara itu adalah ketentuan daripada Allah, dan mereka yang terpilih perlu bekerja keras siang dan malam bagi memastikan BN mencapai kemenangan mutlak pada pilihan raya umum nanti," katanya.

Source : [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam Negeri/20130405/dn\\_08/Dr-Mahathir-beri-amanat-penting--esok](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130405/dn_08/Dr-Mahathir-beri-amanat-penting--esok)